

Pemimpin Pas tidak pernah mengaku salah PM.

BH 7 JAN 2002

Oleh Kadir Dikoh dan Johari Ibrahim

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tidak guna mendesak Pas meminta maaf atas apa saja yang mereka kata atau lakukan kerana pemimpin parti pembangkang itu tidak pernah mahu mengaku salah.

Perdana Menteri berkata, walaupun mereka melemparkan segala bentuk fitnah dan pembohongan, pemimpin Pas tidak pernah meminta maaf kepada sesiapa walaupun terbukti mereka melakukan perbuatan salah.

"Pas tak pernah minta maaf kerana apa pun. Dia (pemimpin Pas) lempar fitnah tak minta maaf, dia mencarut tak minta maaf, dia bohong tak minta maaf, tak pernah minta maaf.

"Dia tak pernah mengaku dia salah. Sebenarnya

Walaupun mereka melemparkan segala bentuk fitnah dan pembohongan, pemimpin Pas tidak pernah meminta maaf kepada sesiapa walaupun terbukti mereka salah

penjara seumur hidup.

Akhbar tempatan hari ini memetik Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Mat Isa sebagai berkata bahawa Pas tetap berpegang bahawa kejadian Sauk itu sebagai sandiwara dan tidak akan meminta maaf mengenainya.

Dr Mahathir berkata, terpujang kepada Pas untuk terus mendakwa peristiwa itu sebagai satu sandiwara.

"Kita nak jemput Nik Aziz datang untuk menyaksi apabila Amin (ketua kumpulan Al-Maunah) menja-

kap), kalau tarik balik sekarang ia satu tamparan politik, sebab itu mereka terus menegakkan benang yang basah," katanya.

Di Kangar, Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishamuddin Tun Hussein, berkata tindakan Pas yang enggan memohon maaf atas dakwaan kononnya peristiwa di Sauk itu sebagai sandiwara menggambarkan parti itu enggan mengakui kebenaran.

Katanya, beliau tidak terkejut dengan keengga-

dia satu jenis manusia yang tidak pernah mengaku dia buat benda yang salah walaupun dunia tahu dia buat salah.

"Jadi tak guna suruh dia minta maaf," katanya selepas menghadiri rumah terbuka Aidilfitri bekas Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Abang Ahmad Urai Abang Mohideen di Restoran Sri Melayu Jalan Conlay, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas seruan beberapa pemimpin Umno supaya Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Aziz Nik Mat meminta maaf kerana menyifatkan penangkapan serta perceraian anggota kumpulan Al-Ma'unah sebagai satu sandiwara kerajaan.

Minggu lalu, 19 anggota kumpulan itu didapati bersalah terhadap tuduhan cuba melancarkan perang terhadap Yang di-Pertuan Agong. Ketua kumpulan itu Mohd Amin Mohd Razali dan dua orang kanannya dijatuhkan hukuman mati oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur manakala 16 lagi ahli kumpulan itu di-

lankan hukuman gantung, nak tengok dia nak bagi tahu kepada Amin, ini adalah sandiwara saja... suruh dia kata kat Amin macam itu, bila Amin kena hukuman gantung," katanya.

Mengenai pemilihan Ketua Pergerakan Wanita MCA Perlis, Oui Ah Lan sebagai calon Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Indera Kayangan, 19 Januari ini, Dr Mahathir berkata Oui adalah calon yang terbaik.

"Kita dah pilih calon dan saya anggap calon itu yang terbaik," katanya.

Di KUANTAN, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata pendirian Pas yang tetap berpegang bahawa kejadian di Sauk sebagai sandiwara, adalah seperti cuba "menegakkan benang yang basah".

Malah, katanya, pendirian 'Pas' itu adalah satu penghinaan kepada mahkamah yang menjatuhkan hukuman kepada mereka yang terbabit dengan rompak senjata itu.

"Mereka (Pas) merasa malu kerana terlajak (ca-

nan Pas itu kerana parti berkenaan gemar bersikap demikian.

"Keputusan mahkamah pun tidak akan mengubah pendirian mereka kerana mereka meletakkan kepentingan politik mengatasi soal keselamatan negara," katanya selepas menghadiri majlis Aidilfitri anjuran Pemuda Umno Perlis hari ini.

Hishamuddin berkata sikap Pas itu berbeza dengan BN yang berpendirian tegas apabila berdepan dengan isu keselamatan negara walaupun antara tindakannya tidak popular.

Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kasim berkata dakwaan Pas itu kini menikam diri sendiri.

Katanya, anggapan itu juga menunjukkan parti itu tidak mementingkan keselamatan negara.

"Bagaimana mereka boleh terus mengangap peristiwa itu sandiwara apabila ada 'orang dibunuh dan kumpulan yang bertanggungjawab dihukum bersalah oleh mahkamah,' katanya.